

05 DEC 1996

Umno-Kelantan

UMNO KELANTAN RUJUK KEPADA DR MAHATHIR

Oleh: Nor Azlina Samin

PHNOM PENH, 5 Dis (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Kelantan akan merujuk kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai persiapan Umno untuk pilihan raya kecil bagi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Pulai Condong.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa berkata: "Saya akan rujuk kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan dan kita akan menunggu arahan selanjutnya daripada beliau."

Annuar yang juga Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan dan sedang mengiringi Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah dalam lawatan negara ke Kemboja, berkata demikian kepada pemberita semasa diminta mengulas mengenai kerusi kawasan itu yang kosong berikutan kematian Kapt (B) Mohd Nor Ahmad, 53, semalam.

Annuar berkata Umno Kelantan berasa sedih dengan kematian Allayarham, yang baru menyertai semula Umno.

"Pilihan raya kecil negeri ini akan menjadi satu ujian untuk mengetahui sejauh mana pengaruh PAS di kawasan itu yang dulunya pernah kubu kuatnya," katanya.

Dengan Parti Melayu Semangat 46 (S46) telah dibubarkan, Annuar menjangka pilihan raya kecil itu adalah pertandingan satu lawan satu antara Umno dengan PAS.

Di KUALA TERENGGANU, Ketua Penerangan UMNO Datuk Dr Yuaof Nor berkata strategi parti untuk pilihan raya itu akan diatur selepas mendapat gambaran lebih jelas daripada pucuk pimpinan parti tentang apa yang perlu dibuat oleh bahagian penerangan.

Beliau memberitahu pemberita di sini bahagian penerangan mungkin mengatur perjumpaan dengan anggota-anggota bekas parti Melayu Semangat 46 di Kelantan sekiranya diarah berbuat demikian oleh pucuk pimpinan parti.

Yusof berkata beliau sedang memberi tumpuan kepada tugas yang diberikan kepadanya oleh presiden parti mengenai pengurusan penerangan UMNO.

Beliau telah mengadakan perjumpaan dengan kakitangan bahagian itu semalam untuk mengatur perancangan selepas mendapat panduan daripada pucuk pimpinan parti. -- BERNAMA

NAS IB MAI